

Anwar mahu maklum balas HEP

➔ Netizen harap kerajaan beri perhatian serius selesai masalah

Oleh Mohd Azrone Sarabatin
azrone@bh.com.my

■ Kuala Lumpur

Presiden PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim, terharu dengan pendedahan *BH Ahad*, semalam, berhubung mahasiswa miskin di Universiti Malaya (UM) yang terpaksa mengikat perut dan meminta kakitangannya mendapatkan maklumat segera daripada pihak pentadbiran dan persatuan pelajar UM berhubung isu berkenaan.

Menerusi Twitter rasminya @anwaribrahim, beliau yang juga bekas pemimpin pelajar universiti itu, mahu mendapatkan maklum balas berkenaan perkara itu daripada Hal Ehwal Pelajar (HEP), Persatuan Mahasiswa Universiti Malaya (PMUM) serta Persatuan Mahasiswa Islam Universiti Malaya (PMIUM).

“Saya terharu membaca liputan mengenai kisah mahasiswa kelaparan. Staf saya diminta mendapat maklumat daripada Hal Ehwal Pelajar (HEP), Persatuan Mahasiswa Universiti Malaya (PMUM) dan Persatuan Mahasiswa Islam Universiti Malaya (PMIUM) segera,” katanya.

BH Ahad dalam laporan muka depan, semalam, mendedahkan sebilangan pelajar universiti itu mengikat perut dengan hanya makan sekali sehari, kerap berpuasa dan bergantung pada sebuku roti untuk dua hari akibat kekangan

keuangan.

Kesempitan hidup dialami pelajar daripada keluarga berpendapatan 40 peratus terendah (B40) itu menyebabkan mereka terpaksa berjimat cermat demi meneruskan pengajian masing-masing.

Catu wang diberi keluarga

Ramai yang mencatu wang saku diberi keluarga dengan memilih menu paling menjimatkan daripada membeli makanan di kafe tertentu yang didakwa agak mahal, sehingga ada yang terdedah kepada serangan gastrik.

Sementara itu, ramai pengguna twitter memberi maklum balas dalam ruangan komen terhadap paparan dibuat Anwar termasuk Athiqurrahman Abdul Hamid menerusi akaun twitternya @AthiqurrahmanH yang menyifatkan pendedahan akhbar ini seharusnya diberi perhatian serius kerajaan

kerana ia fakta menyedihkan.

“Saya juga melalui perkara ini. Tidak ramai berani membuat pendedahan mengenainya dan mengakui mereka tidak mempunyai wang. Kadang-kadang kita bekerja separuh masa untuk menampung perbelanjaan di kampus,” katanya

Pengguna Twitter @iamrenyaihujan berkata, pihak universiti perlu kembali kepada program makan percuma untuk mahasiswa.

“Ketika belajar di universiti itu, mereka (pihak universiti) menyediakan sarapan, makan tengah hari dan makan malam percuma setiap hari, selain memberikan bantuan kewangan,” katanya.

Bagi pemilik akaun twitter @RMahadhir, sebagai pelajar orang kurang upaya (OKU), universiti itu perlu memohon kepada kerajaan untuk membuat semakan semula elaun pelajar OKU yang sebelum ini hanya terhad



Anwar Ibrahim

RM5,000 setahun termasuk yuran.

“Kesukaran pelajar OKU mendapatkan kerja sambil wajar dipertimbangkan untuk memberi elaun bagi membantu kami dalam mendapatkan pendidikan lebih baik,” katanya.

Pengguna akaun @itcomesattime, pula mengakui beliau makan sekali saja sehari, sama ada waktu pagi atau petang.

“Bagi mengelak kelaparan, jika hari ini kami makan pagi bermakna esok pun waktu pagi dan begitulah sebaliknya bagi mengelak terlalu kelaparan. Harap ada tindakan untuk menyelesaikan masalah ini,” katanya.